



# **UNDANG-UNDANG SARAWAK**

## **Bab 42**

**ORDINAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001**

Tarikh Diluluskan oleh Dewan  
Undangan Negeri     ...     ...     6hb November, 2001

Tarikh Dipersetujui     ...     ...     10hb Disember, 2001

Tarikh Diterbitkan dalam *Warta* ...     27hb Disember, 2001

THE SYARIAH COURTS ORDINANCE, 2001

DATE OF COMMENCEMENT

In exercise of the powers conferred by section 1(2) of the Syariah Courts Ordinance, 2001 [*Cap. 42*], the Chief Minister has appointed the 1st day of December, 2004, as the date on which the Ordinance shall come into force.

## **ORDINAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001**

### **SUSUNAN SEKSYEN**

#### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

##### *Seksyen*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### **BAHAGIAN II**

#### **MAHKAMAH SYARIAH**

##### *Penubuhan dan Bidang Kuasa*

3. Penubuhan Mahkamah Syariah
4. Pelantikan Ketua Hakim Syarie
5. Pelantikan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
6. Pelantikan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
7. Tempoh memegang jawatan Hakim Mahkamah Syariah
8. Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
9. Pelantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar
10. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah
11. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah
12. Rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah
13. Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu
14. Perakuan perwarisan
15. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah
16. Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah
17. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah
18. Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah

*Seksyen*

19. Keputusan ikut majoriti
20. Penerusan prosiding dalam Mahkamah Rayuan Syariah walaupun ketiadaan Hakim
21. Mahkamah terbuka
22. Meterai Mahkamah, bahasa dan rekod
23. Bidang kuasa tidak meliputi orang-orang bukan beragama Islam
24. Tindakan bersaling dan proses Mahkamah
25. Perlindungan bagi Ketua Hakim Syarie, Hakim-Hakim Syarie, pegawai-pegawai Mahkamah, dll.

**BAHAGIAN III****PENDAKWAAN DAN PERWAKILAN**

26. Pelantikan Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa-Pendakwa Syarie
27. Pelantikan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama
28. Peguam Syarie

**BAHAGIAN IV****PEMANSUHAN, PERKECUALIAN DAN  
PERUNTUKAN PERALIHAN**

29. Pemansuhan, perkecualian dan peruntukan peralihan

## UNDANG-UNDANG SARAWAK

### Bab 42

#### ORDINAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001

*Suatu Ordinan bagi membuat peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan dan organisasi Mahkamah Syariah dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.*

[ ]

Diperbuat oleh Badan Perundangan Sarawak—

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1.—(1) Ordinan ini bolehlah dinamakan Ordinan Mahkamah Syariah, 2001.

(2) Ordinan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

##### **Tafsiran**

2.—(1) Dalam Ordinan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Hakim” atau “Hakim Syarie” ertinya Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah seksyen 5(1), 6(1) atau 8(1);

“Ketua Hakim Syarie” ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah seksyen 4(1);

“Ketua Pendakwa Syarie” atau “Pendakwa Syarie” masing-masing ertiinya Ketua Pendakwa Syarie atau Pendakwa Syarie yang dilantik di bawah seksyen 26(1) dan (3);

“Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” ertiinya Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dibentuk di bawah seksyen 3;

“Mahkamah Sivil” ertiinya mana-mana mahkamah yang dibentuk di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan *[G.N. (N.S) 885/57]* atau di bawah seksyen 3 Akta Mahkamah Rendah 1948 *[Akta 92]*;

“Majlis” ertiinya Majlis Islam Sarawak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 *[Bab 41]*;

“Negeri” ertiinya Negeri Sarawak;

“Ordinan dimansuhkan” ertiinya Ordinan Mahkamah Syariah, 1991 *[Ord. No. 4/91]*;

“Pegawai Penguatkuasa Agama” ertiinya Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama yang dilantik di bawah seksyen 27 dan termasuklah Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Penolong Pegawai Penguatkuasa Agama;

“Peguam Syarie” ertiinya seseorang yang diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 28.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Ordinan ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 *[Bab 41]* atau dalam mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Ordinan atau undang-undang bertulis itu masing-masing setakat yang ertiya itu tidak bercanggah dengan Undang-Undang Islam.

**BAHAGIAN II**  
**MAHKAMAH SYARIAH**  
*Penubuhan dan Bidang Kuasa*

**Penubuhan Mahkamah Syariah**

3.—(1) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Majlis, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membentuk Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah bagi Negeri di mana-mana tempat yang difikirkannya patut.

(2) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Majlis, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membentuk suatu Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri.

(3) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Majlis, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membentuk suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri.

(4) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang mesti dipatuhi oleh Ketua Hakim Syarie dan semua Hakim Mahkamah Syariah.

**Pelantikan Ketua Hakim Syarie**

4.—(1) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Majlis, melantik seorang Ketua Hakim Syarie.

(2) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

- (a) dia seorang warganegara; dan
- (b) dia—

(i) selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi atau Ketua Pendaftar atau Ketua Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana jawatan yang lain pula; atau

(ii) seorang yang arif tentang Undang-Undang Islam.

(3) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, telah dilantik menjadi Ketua Hakim Syarie di bawah Ordinan dimansuhkan hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

#### **Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah**

5.—(1) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Majlis, melantik tidak lebih daripada tujuh orang Islam untuk membentuk suatu panel tetap Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

(a) dia seorang warganegara; dan

(b) dia—

(i) selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi atau Ketua Pendaftar atau Ketua Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana jawatan yang lain pula; atau

(ii) seorang yang arif tentang Undang-Undang Islam.

(3) Panel tetap di bawah subseksyen (1) hendaklah selama tempoh tiga tahun dan mana-mana orang yang dilantik menganggotainya hendaklah layak dilantik semula.

(4) Tiap-tiap pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah**

- 6.—(1) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Majlis, melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—
- (a) dia seorang warganegara; dan
  - (b) dia—
    - (i) selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadi atau Ketua Pendaftar atau Pendaftar atau Ketua Pendakwa Syarie atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau
    - (ii) seorang yang arif tentang Undang-Undang Islam.
- (3) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, telah dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Ordinan dimansuhkan dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).
- (4) Tiap-tiap pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Tempoh memegang jawatan Hakim Mahkamah Syariah**

- 7.—(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah seksyen 4, seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah seksyen 5(1) dan seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik dibawah seksyen 6(1), hendaklah masing-masingnya memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh lima tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya, sebagaimana yang diluluskan oleh Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, tetapi masa itu tidak boleh melebihi enam bulan selepas dia mencapai umur enam puluh lima tahun.

(2) Seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan mengutuskan surat yang ditandatangani olehnya kepada Yang di-Pertua Negeri tetapi dia tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali mengikut peruntukan-peruntukan berikut dalam seksyen ini.

(3) Jika Ketua Hakim Syarie merujukkan representasi kepada Yang di-Pertua Negeri menyatakan bahawa seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau Hakim Mahkamah Tinggi Syariah patut dipecat atas alasan—

(a) apa-apa perlanggaran terhadap mana-mana peruntukan kod etika yang ditetapkan di bawah seksyen 3(4); atau

(b) tidak berkeupayaan oleh kerana kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain, untuk menyempurnakan dengan sepatutnya fungsi jawatannya,

Yang di-Pertua Negeri hendaklah melantik suatu tribunal mengikut subseksyen (4) dan merujukkan representasi itu kepadanya, dan boleh, atas syor tribunal itu, memecat Hakim itu daripada jawatan.

(4) Maka hendaklah ada suatu tribunal yang mengandungi tidak kurang daripada lima orang beragama Islam yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi Malaysia, dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh anggota mengikut susunan pelantikan mereka bagi jawatan yang melayakkan mereka menjadi anggota.

(5) Sementara menantikan apa-apa rujukan dan laporan di bawah subseksyen (3), Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, menggantung Hakim tersebut daripada menjalankan fungsinya.

(6) Tertakluk kepada sekyen ini, Yang di-Pertua Negeri boleh membuat peraturan bagi membuat peruntukan mengenai syarat-syarat jawatan, perletakan dan perlucutan dari jawatan Ketua Hakim Syarie.

(7) Walau apa pun subseksyen (1), keesahan apa-apa perkara yang dilakukan oleh Ketua Hakim Syarie atau seseorang Hakim Mahkamah Syariah tidak boleh dipersoal atas alasan bahawa dia telah mencapai had umur yang dia dikehendaki bersara.

#### **Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah**

8.—(1) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, melantik dari kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Tiap-tiap pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

#### **Pelantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar**

9. Yang di-Pertua Negeri bolch, atas syor Ketua Hakim Syarie, melantik dari kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri, seorang Ketua Pendaftar bagi Mahkamah Rayuan Syariah, scorang Pendaftar bagi Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-Penolong Pendaftar bagi Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

#### **Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah**

10.—(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri dan hendaklah diketuai oleh scorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 *[Bab 41]*, Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, 2001 *[Bab 43]* atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—

- (i) pertunangan, perkahwinan, *ruju'*, perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), *nusyuz*, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;
- (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);
- (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahtarafan, atau penjagaan atau jagaan (*hadanah*) budak-budak;
- (iv) pembahagian atau tuntutan kepada harta sepencarian;
- (v) wasiat atau alang semasa *marad-al-maut* seseorang si mati yang beragama Islam;
- (vi) alang semasa hidup (*hibbah*), atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang orang Islam;
- (vii) wakaf atau nazr;
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;
- (ix) penentuan tentang orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau tentang bahagian-bahagiannya yang orang-orang itu masing-masing berhak dapat; atau
- (x) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

**Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah**

11.—(1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, 2001 [*Bab 43*], Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, 2001 [*Bab 46*] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Ordinan-Ordinan itu atau mana-mana undang-undang bertulis lain tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemerjaraan selama tempoh satu tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu;

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.

(3) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.

**Rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah**

12.—(1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh pihak pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh dibuat sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana satu daripadanya;

(b) dalam bidang kuasa malnya—

- (i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika amaun yang dituntut itu tidak kurang daripada satu ribu ringgit;
- (ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu;
- (iii) dalam semua kes yang berhubungan dengan nafkah orang-orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu,

tetapi tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan

(c) dalam apa-apa kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberikan kebenaran untuk merayu.

(2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh—

(a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda hukuman, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda, atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan;

(b) dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

**Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu**

13.—(1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah seksyen 12(1)(c) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah dapat mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah tamat.

**Perakuan pewarisan**

14. Jika, dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam, mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah, mempunyai kewajipan untuk menentukan—

- (a) orang-orang yang berhak dapat bahagian dalam harta pusaka itu; atau
- (b) bahagiannya yang orang-orang itu masing-masing berhak dapat,

maka Mahkamah Syariah boleh, atas permintaan mahkamah atau pihak berkuasa, atau atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak dapat bahagian dalam harta pusaka itu atau bahagiannya yang orang-orang itu masing-masing berhak dapat.

**Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah**

15.—(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika tampak perlu oleh Mahkamah Tinggi Syariah itu demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod sesuatu perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

**Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah**

16.—(1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah pun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk memutuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, dan yang difikirkannya adil bagi pemberesan rayuan itu.

**Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah**

17.—(1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika tampak perlu olehnya demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Rayuan Syariah memanggil rekod tentang apa-apa perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Tinggi Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Rayuan Syariah.

**Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah**

18.—(1) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan dibereskan oleh Ketua Hakim Syarie yang hendaklah menjadi pengurus bagi tiap-tiap prosidingnya dan dua orang Hakim lain dari Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan anggota panel tetap Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah seksyen 5(1).

(2) Walau apa pun seksyen 5, Ketua Hakim Syarie boleh melantik mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi seorang anggota Mahkamah Rayuan Syariah bagi mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

(3) Ketua Hakim Syarie hendaklah—

(a) sekiranya rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah ialah terhadap keputusan yang dibuatnya ketika bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; atau

(b) sekiranya dia tidak dapat menjadi pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah kerana apa-apa sebab lain,  
melantik Hakim yang paling kanan antara Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi pengerusi.

#### **Keputusan ikut majoriti**

**19.** Rayuan hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti anggota Mahkamah Rayuan Syariah.

#### **Penerusan prosiding dalam Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada**

**20.—(1)** Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding, atau, dalam hal suatu penghakiman tangguhan, pada bila-bila masa sebelum pengumuman penghakiman, mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah itu, maka, jika kedua-dua pihak bersetuju, pendengaran prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan, dan penghakiman atau penghakiman tangguhan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang ada itu, dan Mahkamah Rayuan Syariah itu hendaklah, bagi maksud-maksud prosiding itu, disifatkan telah dianggotai dengan sempurna.

(2) Dalam mana-mana kes seperti yang tersebut dalam subseksyen (1), jika tiada keputusan sebulat suara oleh kedua-dua Hakim yang ada, rayuan itu hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah subseksyen (1) kedua-dua pihak tidak memberikan persetujuan mereka, atau lebih daripada seorang Hakim tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsi mereka sebagai Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah itu, rayuan itu hendaklah didengar semula.

**Mahkamah terbuka**

21.—(1) Semua perbicaraan dalam Mahkamah Syariah hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain dan subseksyen (2), terbuka kepada orang ramai.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah Syariah boleh memerintahkan bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada sesuatu perbicaraan diadakan dalam Mahkamah Syariah tertutup jika Mahkamah Syariah itu berpuas hati bahawa perintah itu dibuat demi kepentingan keadilan dan kesopanan.

**Meterai Mahkamah, bahasa dan rekod**

22.—(1) Tiap-tiap Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai dan menggunakan, apabila perlu, meterai yang bentuk atau coraknya ditetapkan oleh Yang di-Pertua Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) (a) Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa bagi semua prosiding Mahkamah Syariah tetapi Mahkamah Syariah boleh demi kepentingan keadilan membenarkan penggunaan mana-mana bahasa lain.

(b) Semua dokumen atau nota prosiding bolehlah dibuat dalam skrip Jawi atau Rumi.

(c) Tiap-tiap Mahkamah Syariah hendaklah menyimpan dan menjaga rekod yang lengkap dan betul berkenaan dengan segala tindakan atau perbicaraan di hadapannya, akaun yang lengkap dan betul mengenai segala urusan kewangan Mahkamah Syariah dan hendaklah mengakaunkan segala wang yang diterima mengikut cara yang diperuntukkan oleh Ordinan ini.

**Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam**

23. Tiada keputusan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau mana-mana Mahkamah Rendah Syariah boleh melibatkan mana-mana hak atau harta seseorang bukan Islam.

**Tindakan bersaling dan proses Mahkamah**

24.—(1) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana Negeri di Malaysia mengeluarkan waran atau saman, sama ada mal atau jenayah, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai sesuatu perkara di dalam bidang kuasanya di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa dalam Negeri itu, untuk dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada seseorang yang berada atau dipercayai berada dalam Negeri itu, maka Ketua Hakim Syarie atau Hakim Syarie boleh mengendorskan waran atau saman itu dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri itu mengikut peruntukan Ordinan ini.

(2) Jika Mahkamah Syariah dalam Negeri mengeluarkan waran yang memberikan kuasa untuk menangkap mana-mana orang, atau saman yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam mana-mana Negeri lain di Malaysia dan waran atau saman itu telah dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada orang itu mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri itu, maka waran atau saman itu hendaklah, bagi maksud Ordinan ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sempurna seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan dalam Negeri.

(3) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana Negeri di Malaysia membuat satu perintah atau penghakiman di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa dalam Negeri itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri, maka Ketua Hakim Syarie atau Hakim Syarie, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan atau dibuat dengan sempurna oleh suatu Mahkamah yang kompeten dalam mana-mana Negeri di Malaysia, boleh mengendorskan perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu boleh dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada orang itu, seolah-olah perintah atau penghakiman itu suatu perintah atau penghakiman yang telah dikeluarkan atau dibuat dengan sahnya oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri mengikut peruntukan Ordinan ini.

(4) Waran, saman, perintah atau apa-apa proses lain Mahkamah yang dikeluarkan atau dibuat oleh Mahkamah Syariah di bawah seksyen ini hendaklah mengandungi meterai dan tandatangan Ketua Hakim Syarie atau Hakim Syarie atau seseorang pegawai diberi kuasa Mahkamah.

**Perlindungan bagi Ketua Hakim Syarie, Hakim-Hakim Syarie, pegawai-pegawai Mahkamah, dll.**

25. Tiada seorang pun Ketua Hakim Syarie atau Hakim Syarie boleh didakwa di dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan atau diperintahkan olehnya supaya dilakukan dalam menjalankan tugas kehakimannya, sama ada dalam had bidang kuasanya atau tidak, dan juga tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa dia pada masa itu dengan suci hati percaya bahawa dia mempunyai bidang kuasa untuk melakukan atau memerintahkan perbuatan itu.

(2) Tiada pegawai mana-mana Mahkamah Syariah atau mana-mana orang lain yang terikat untuk melaksanakan waran, perintah atau proses lain Mahkamah yang sah di sisi undang-undang yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie atau Hakim Syarie boleh didakwa dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil atas pelaksanaan waran, perintah atau proses lain Mahkamah itu.

**BAHAGIAN III**  
**PENDAKWAAN DAN PERWAKILAN**

**Pelantikan Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa-Pendakwa Syarie**

26.—(1) Yang di-Pertua Negeri boleh, atas syor Majlis, melantik seseorang, yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie.

(2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah.

(3) Majlis boleh, atas syor Ketua Pendakwa Syarie, melantik orang-orang yang layak dan sesuai dari kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri menjadi Pendakwa-Pendakwa Syarie.

(4) Pendakwa-Pendakwa Syarie hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletakhak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri, kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan sebagai boleh dijalankan sendiri oleh Ketua Pendakwa Syarie.

#### **Pelantikan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama**

27. Majlis boleh, atas syor Pengarah Jabatan Agama Islam, melantik dari kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 (*Bab 41*) atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam.

#### **Peguam Syarie**

28.—(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), Ketua Hakim Syarie boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, menerima masuk mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Undang-Undang Islam menjadi Peguam Syarie untuk mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Syariah.

(2) Ketua Hakim Syarie boleh membuat kaedah-kaedah—

(a) untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan Peguam Syarie; dan

(b) untuk mengawalselia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syarie.

(3) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) mana-mana anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau
- (b) mana-mana pegawai Kamar Peguam Besar Negeri; atau
- (c) mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*],

boleh bertindak sebagai Peguam Syarie bagi mewakili mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah Syariah jika pihak itu boleh diwakili olehnya dalam Mahkamah Sivil menurut kuasa Ordinan Peguambela [*Swk. Bab 110*] tanpa anggota atau orang itu perlu diterima masuk sebagai peguambela di bawah Ordinan itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), mana-mana orang yang telah diterima menjadi Peguam Syarie di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di mana-mana Negeri lain di Malaysia boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, diterima masuk sebagai Peguam Syarie di dalam Negeri apabila permohonan dibuat olehnya kepada Ketua Hakim Syarie dengan menyertakan keterangan yang menunjukkan bahawa dia telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di Negeri lain itu.

(5) Seseorang yang sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa telah diterima masuk menjadi Peguam Syarie di bawah Ordinan dimansuhkan hendaklah, tertakluk kepada Ordinan ini, disifatkan telah diterima masuk menjadi Peguam Syarie dan hendaklah berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah itu.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun, selain Peguam Syarie atau orang yang disebut dalam subseksyen (3) dan (4), berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) mana-mana anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau
- (b) mana-mana pegawai Kamar Peguam Besar Negeri; atau
- (c) mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*],

boleh bertindak sebagai Peguam Syarie bagi mewakili mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah Syariah jika pihak itu boleh diwakili olehnya dalam Mahkamah Sivil menurut kuasa Ordinan Peguambela [*Swk. Bab 110*] tanpa anggota atau orang itu perlu diterima masuk sebagai peguambela di bawah Ordinan itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), mana-mana orang yang telah diterima menjadi Peguam Syarie di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di mana-mana Negeri lain di Malaysia boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, diterima masuk sebagai Peguam Syarie di dalam Negeri apabila permohonan dibuat olehnya kepada Ketua Hakim Syarie dengan menyertakan keterangan yang menunjukkan bahawa dia telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di Negeri lain itu.

(5) Seseorang yang sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa telah diterima masuk menjadi Peguam Syarie di bawah Ordinan dimansuhkan hendaklah, tertakluk kepada Ordinan ini, disifatkan telah diterima masuk menjadi Peguam Syarie dan hendaklah berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah itu.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun, selain Peguam Syarie atau orang yang disebut dalam subseksyen (3) dan (4), berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah itu.

---

**BAHAGIAN IV****PEMANSUHAN, PERKECUALIAN DAN PERUNTUKAN  
PERALIHAN****Pemansuhan, perkecualian dan peruntukan peralihan**

29.—(1) Ordinan Mahkamah Syariah, 1991 [*Ord. No. 4/91*] adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Apabila mula berkuatkuasanya Ordinan ini, segala kuasa Mahkamah Syariah yang dibentuk di bawah Ordinan dimansuhkan hendaklah diambil alih atau dijalankan oleh Mahkamah Syariah yang dibentuk di bawah Ordinan ini dan apa-apa sebutan di dalam mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya mengenai Mahkamah Syariah yang dibentuk di bawah Ordinan dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Syariah yang dibentuk di bawah Ordinan ini.

(3) Apa-apa prosiding, tindakan, tuntutan atau liabiliti yang dibuat, dimulakan, difailkan, dijalankan atau dilakukan di dalam atau di hadapan Mahkamah Syariah yang dibentuk di bawah Ordinan dimansuhkan terdahulu daripada tarikh mula berkuatkuasanya Ordinan ini, hendaklah disifatkan telah diteruskan atau telah dilakukan seolah-olah Mahkamah Syariah itu telah dibentuk dengan sempurna di bawah Ordinan ini.

(4) Semua kaedah mahkamah dan perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah, dan apa-apa tindakan yang dilakukan dengan sahnya di bawah atau menurut kuasa, Ordinan dimansuhkan hendaklah, setakat kaedah-kaedah mahkamah atau perundangan subsidiari itu tidak takkonsisten dengan Ordinan ini, disifatkan telah dibuat di bawah atau menurut kuasa Ordinan ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dipinda, dimansuhkan, diungkaikan, dibatalkan atau digantikan di bawah atau menurut kuasa Ordinan ini.



DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD, KUCHING, SARAWAK  
Tel: 082-241131, 241132, 248876 Fax: 082-412005  
E. mail: pmnbkc@printnasional.com.my  
Website: http://www.printnasional.com.my

BAGI PIHAK DAN DENGAN KUASA PERINTAH KERAJAAN SARAWAK